

MSTAR | SEMASA

Sistem e-Invois lebih komprehensif, transformasi menyeluruh... Ini 3 sebab perniagaan perlu amalkan dalam pembayaran cukai

Khamis, 12 Disember 2024 8:00 AM



 Digitalisasi invois menawarkan kelebihan utama dalam mengurangkan risiko penipuan dan salah lapor.

LANGKAH strategik dalam merevolusikan sistem percukaian melalui pengenalan e-Invois menawarkan kelebihan utama dalam mengurangkan risiko penipuan dan salah lapor.

Digitalisasi invois juga bertujuan membangunkan sistem pelaporan yang lebih telus, cekap, dan mampan.

Berbanding dengan sistem tradisional yang bergantung kepada dokumentasi fizikal, kaedah ini dilihat sebagai pendekatan kurang produktif dalam konteks ekonomi digital semasa.

Peralihan kepada e-Invois bukan sekadar pilihan, malah ia satu keperluan dalam ekosistem ekonomi digital.

Ia juga mewakili komitmen kerajaan untuk mencipta sistem percukaian yang lebih pintar, cekap, dan mesra pengguna.



Sistem digital membolehkan penyimpanan data dalam format elektronik seterusnya mengurangkan keperluan ruang fizikal dan kos pengurusan dokumen.

Sehubungan itu, peralihan kepada e-Invois diterajui oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) adalah langkah penting menuju pendigitalan.

Sistem ini bukan sahaja memenuhi standard global tetapi juga menyediakan data berguna untuk memudahkan pematuhan cukai serta memberi pelbagai manfaat kepada perniagaan.

Panduan menyeluruh untuk perniagaan

Pada Mac 2023, HASiL mengumumkan bahawa semua perniagaan yang berdaftar di Malaysia dikehendaki menjana e-Invois untuk transaksi B2B, B2G dan B2C.

Fasa pertama mandat e-Invois ini telah bermula pada 1 Ogos 2024 untuk perniagaan yang mempunyai pusing ganti melebihi RM100 juta.

HASiL menerbitkan garis panduan e-Invois yang terperinci, Kit Pembangunan Perisian (SDK), portal MyInvois dan soalan Lazim berkenaan e-Invois industri spesifik untuk menyokong peralihan ini.

Kini, perniagaan yang mempunyai pusing ganti melebihi RM25 juta sedang bersedia untuk fasa kedua, dengan mandat e-Invois untuk perniagaan ini akan bermula pada 1 Januari 2025 manakala bagi semua pembayar cukai adalah pada 1 Julai 2025.

e-Invois akan dilaksanakan secara berperingkat untuk memastikan pelaksanaan yang lancar.

Pertimbangan dan perancangan yang teliti telah dibuat dengan mengambil kira julat pendapatan atau jualan tahunan, bagi memastikan pembayar cukai mempunyai tempoh masa yang mencukupi untuk menyediakan dan menyesuaikan diri dengan pelaksanaan e-Invois.



Pembayar cukai mempunyai rekod yang tersusun dan boleh dikesan dengan mudah.

e-Invois percepat proses pelaporan, pemprosesan cukai

e-Invois merupakan representasi dalam bentuk digital bagi transaksi yang dilaksanakan antara penjual dan pembeli. e-Invois menggantikan penggunaan dokumen kertas atau elektronik seperti dalam format PDF, JPEG, DOC dan lain-lain.

Sistem ini mengandungi 55 medan maklumat penting yang sama seperti dokumen tradisional, contohnya, butiran penjual dan pembeli, keterangan item, kuantiti, harga tanpa cukai, cukai dan jumlah keseluruhan, yang merekodkan data transaksi untuk operasi perniagaan harian.

e-Invois adalah rekod digital untuk pertukaran transaksi antara penjual (pembekal) dengan pembeli yang melalui portal kerajaan dalam masa nyata untuk pengesahan dan penyimpanan rekod.

e-Invois yang berjaya disahkan dan dijana juga akan mempunyai Nombor Pengenalan Unik (Unique Identification Number, UIN) dan Kod QR, yang dijana oleh Portal MyInvois bagi membolehkan pengesahan invois dibuat secara dalam talian.

Terdapat empat jenis e-Invois diperkenalkan di negara ini dan dokumen mestilah dikeluarkan dalam format elektronik di bawah e-Invois Malaysia.

Dokumen berkenaan adalah invois, nota kredit, nota debit dan nota bayaran balik.

Mekanisme menghantar e-Invois

Bagi memudahkan peralihan kepada e-Invois, pembayar cukai boleh memilih mekanisme yang paling sesuai untuk menghantar e-Invois kepada HASiL, berdasarkan keperluan perniagaan mereka dan keadaan tertentu.

Terdapat dua pilihan mekanisme penghantaran e-invois boleh dipilih oleh pembayar cukai iaitu Portal [MyInvois](#) yang dihoskan oleh HASiL.

Portal berkenaan boleh diakses oleh semua pembayar cukai tanpa sebarang kos.

Ia juga boleh diakses oleh pembayar cukai yang perlu mengeluarkan e-Invois ketika mana sambungan Application Programming Interface (API) tidak tersedia.

Berbeza dengan mekanisme API pula adalah satu set kod pengaturcaraan yang membolehkan penghantaran data secara langsung antara sistem pembayar cukai dan Sistem MyInvois.

Mekanisme ini memerlukan pelaburan awal dalam teknologi dan pelarasan kepada sistem sedia ada dan sesuai untuk pembayar cukai besar atau perniagaan dengan jumlah transaksi yang besar.

Peralihan kepada e-Invois adalah langkah bijak untuk perniagaan berpendapatan tinggi

Malaysia sedang menuju transformasi digital dan perniagaan berpendapatan tinggi perlu kekal bersaing dengan menggunakan e-Invois.



Abu Tariq melihat kepentingan transformasi e-Invois bertepatan dengan trend global dalam pentadbiran cukai moden.

Sistem ini selaras dengan standard global, menyediakan data masa nyata dan memastikan pematuhan cukai lebih baik.

Dengan mendapatkan panduan daripada HASiL, syarikat boleh mengintegrasikan e-Invois dengan mudah serta menikmati insentif untuk pelaksanaan awal.

Beralih kepada e-Invois merupakan langkah bijak untuk memodenkan perniagaan, mengurangkan risiko pematuhan dan berkembang maju dalam ekonomi digital pada masa kini.

Tiga sebab perniagaan perlu beralih kepada e-Invois:

1. Piawaian Industri: Selari dengan Norma Global

Dalam era di mana penyelesaian digital menjadi kebiasaan, e-Invois berdiri sebagai standard global.

Banyak negara sedang mengguna pakai e-Invois untuk meningkatkan ketelusan, menyelaraskan operasi dan memastikan pematuhan.

Bermula 1 Ogos 2024, perniagaan di negara ini dengan perolehan tahunan melebihi RM100 juta, bersama-sama dengan syarikat lain yang berpandangan jauh, telah memulakan peralihan kepada e-Invois, sekali gus meningkatkan kredibiliti mereka di pasaran global.



Peralihan kepada e-Invois satu keperluan dalam ekosistem ekonomi digital.

Menggunakan e-Invois menunjukkan komitmen kepada amalan moden, penting untuk memenuhi jangkaan rakan kongsi atau pelanggan antarabangsa.

Bagi perniagaan yang ingin berkembang atau mengekalkan hubungan baik, e-Invois adalah kelebihan strategik untuk memastikan operasi kekal relevan dalam ekonomi global.

2. Analisis data yang ditingkatkan: Pandangan berharga untuk keputusan lebih bijak

Kelebihan utama e-Invois adalah memberikan gambaran jelas tentang transaksi kewangan. Ini sangat berguna untuk perniagaan besar kerana e-Invois memastikan rekod transaksi lebih tepat dan telus, membantu pematuhan cukai.

Dengan data yang tepat, perniagaan boleh menggunakannya untuk memantau kedudukan kewangan dengan mudah dan membuat keputusan yang lebih yakin.

3. Pengurusan risiko dan pematuhan: Mengurangkan ralat dan risiko audit

Bagi perniagaan besar, pematuhan cukai adalah keutamaan utama. Malah, kesilapan kecil dalam pelaporan cukai boleh membawa kepada tindakan audit.

Sistem e-Invois mampu meningkatkan pematuhan dengan mengautomasi sebahagian daripada proses pelaporan cukai, sekali gus mengurangkan kesilapan dan memastikan rekod selari dengan standard HASiL.

Sistem ini membantu syarikat atau perniagaan untuk mengekalkan rekod yang konsisten dan mematuhi peraturan, menjadikannya bersedia untuk diaudit pada bila-bila masa.

Ia juga mengurangkan beban kerja pentadbiran dengan memastikan dokumentasi sentiasa tepat. Bagi perniagaan besar, e-Invois amat berguna untuk mengurus risiko, mengelak masalah percukaian dan memastikan operasi berjalan lancar.

Rujuk HASiL untuk integrasi dan insentif yang lancar

HASiL komited untuk menyokong perniagaan melalui peralihan e-Invois. Perniagaan boleh berunding dengan HASiL untuk memastikan proses integrasi mereka berjalan lancar, memastikan sistem mereka bersedia untuk e-Invois.

Dengan berhubung dengan HASiL, syarikat boleh mengetahui lebih lanjut mengenai manfaat e-Invois, menjadikan peralihan lebih mudah dan kos efektif.

Untuk maklumat lanjut, boleh layari [SINI](#)



Galak sertai sistem e-Invois awal

Ogos lalu, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, Datuk Dr Abu Tariq Jamaluddin berkata, pihaknya menggalakkan syarikat dengan pendapatan kurang RM100 juta setahun menyertai sistem e-Invois lebih awal sebelum tarikh pelaksanaannya pada tahun depan.

Ia bagi memudahkan pihak syarikat membiasakan dengan penggunaan sistem e-Invois apabila pelaksanaan mula dibuat bermula 1 Januari 2025.

Sejak sistem e-Invois diperkenalkan, sehingga jam 8.30 pagi, 6 Disember 2024, HASiL telah berjaya merekodkan lebih 100,700,000 e-Invois daripada syarikat bagi kategori pendapatan melebihi RM100 juta termasuk syarikat pelaksanaan Fasa 2 dan 3 yang telah melaksanakan e-Invois lebih awal dari garis masa yang telah ditetapkan.

Kejayaan merekodkan e-Invois ini telah menunjukkan impak positif terhadap pemodenan sistem percukaian negara, sekali gus memperkasakan kecekapan operasi perniagaan dan meningkatkan pematuhan cukai secara menyeluruh.

Jadilah sebahagian daripada geng mStar! Follow kami di [Telegram](#), [Twitter](#), [TikTok](#), [Facebook](#), [Instagram](#) dan [YouTube](#)

Tags/Kata Kunci:

[bayar cukai](#), [e-Invois](#), [cukai pendapatan](#), [cukai perniagaan](#), [LHDNM](#), [HASiL](#), [MyInvois](#), [mstarklik24](#)